

Ketangkasan Mahathir

MASSA 1. 11. 2003

Oleh CHAMIL WARIYA

“ Keagungan seseorang insan dapat diukur dengan dua cara. Pertamanya dengan melihat amalannya – apa yang dilakukannya, dan apa yang telah dilaksanakan sepanjang hayatnya. Kedua, keperibadiannya. ”

– Ucapan takziah Dr. Mahathir di atas kembalinya ke rahmatullah Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj di Kuala Lumpur pada 10 Disember 1990

AKHIRNYA Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Perdana Menteri yang telah disandanginya sejak 16 Julai 1981. Bukan dipaksa oleh sesiapa tetapi dengan kerelaannya sendiri. Selepas lebih 22 tahun sebagai ketua eksekutif Malaysia Incorporated, mulai 1 November 2003, Dr. Mahathir meninggalkan Sri Perdana, Putrajaya untuk kembali menjadi rakyat biasa. Bukan rakyat biasa sebenarnya, tetapi sebagai negarawan terbilang yang telah memahatkan nama Malaysia (dan juga untuk dirinya) di seantero dunia.

Nama Dr. Mahathir sedang harum. Popularitinya masih di puncak.

Malaysia dan Dr. Mahathir sudah dianggap sinonim di pentas dunia. Dan akan kekal begitu untuk beberapa ketika. Presiden Pakistan, Jeneral Musharraf menganggap beliau sebagai ‘harta awam’ bukan saja di negara Islam, tetapi di kalangan dunia membangun.

Dr. Mahathir sama ada disukai atau dibenci, bergantung pada perspektif masing-masing mengenai beliau.

Dua puluh dua tahun sebagai Perdana Menteri membayangkan seolah-olah beliau melayari kepimpinannya di dalam negara dengan tenang; tanpa sebarang gelora.

Tidak sebenarnya. Terdapat sekurang-kurangnya dua usaha untuk menumbangkan beliau daripada kedudukannya. Dilakukan bukan oleh musuh-musuh politik beliau di luar parti UMNO pimpinannya. Tetapi oleh orang-orang kepercayaan sendiri yang diberi peluang menguasai kedudukan-kedudukan strategik dalam parti dan kerajaan.

Dan oleh mereka yang dididik untuk mengambil alih tempat beliau sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Usaha pertama didalangi oleh timbalannya di dalam parti dan kerajaan (Tan Sri Musa Hitam) pada pertengahan 1980-an, manakala usaha kedua pada perte-